



Kata Alu-Aluan

PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Muafakat Johor.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, saya diberikan peluang untuk merakamkan kata alu-aluan dalam Sidang Redaksi Majalah pada tahun ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Sidang Redaksi Majalah atas kejayaan menerbitkan majalah sekolah bagi tahun 2018. Bagi pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor, segala usaha dan sumbangan dalam penerbitan majalah ini amatlah dihargai dan disanjung tinggi.

Penerbitan sesebuah majalah bukanlah suatu usaha yang mudah malah mengambil masa yang panjang melalui kesungguhan yang mendalam serta memerlukan pelbagai aspek kemahiran. Murid-murid dengan bantuan dan bimbingan guru mestilah bekerjasama bagi mencari idea baharu dengan menggabungkan aspek kreativiti dan inovasi bagi menghasilkan sebuah majalah yang bermutu. Penghasilan majalah ini suatu usaha yang sangat penting bagi murid mengasah bakat di samping memuatkan pelbagai peristiwa yang berlaku sepanjang tahun. Dalam hal ini saya menyeru agar barisan pendidik dan semua murid sentiasa berusaha memacu sekolah menjana kecemerlangan sepanjang masa.

Transformasi sedang terus berlaku dalam bidang pendidikan di negara kita. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPM) 2013-2025 merupakan suatu manifestasi proses transformasi dalam dunia pendidikan yang tidak dapat dielakkan. Proses ini menterjemahkan peri pentingnya ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran manusia agar sentiasa berkembang dan dinamik hasil daripada penyelidikan dan pembangunan ilmu yang berterusan. Sekolah, sebagai institusi pendidikan yang menjelmakan pembangunan potensi modal insan telah menyediakan segala sumber yang diperlukan bagi membantu proses pembangunan tersebut. menerusi proses pembangunan potensi yang dirancang dan dilaksanakan secara komprehensif, sekolah mampu menghasilkan insan yang mampu mencapai kemajuan dan kesejahteraan yang dinikmati dalam era kehidupan mereka pada masa ini dan akan datang.

Saya amat yakin bahawa murid-murid di sekolah-sekolah Negeri Johor khususnya, berpeluang menggunakan segala sumber yang disediakan untuk mengenal pasti dan membangunkan potensi mereka ke tahap paling optimum menerusi bimbingan dan didikan para guru. Hal sedemikian sejajar dengan fungsi sekolah yang sentiasa menggilap, memupuk dan mengembangkan potensi murid sejajar dengan pendidikan abad ke-21. Inilah inti pati di sebalik realiti pembelajaran Abad ke-21 yang menekankan elemen-elemen komunikasi, kolaboratif, kreatif dan kreativiti serta nilai.

Penghargaan khas dan terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada kerajaan Negeri Johor yang komited dan sentiasa menyokong pelaksanaan program dan aktiviti pendidikan. Akhir kata, marilah kita bersama-sama membangunkan pendidikan Negeri Johor agar sentiasa cemerlang dan gemilang sederap dengan slogan 'Johor Showcase'.

Selamat Maju Jaya.

TUAN HAJI SHAHARUDIN BIN SHARIF
Pengaroh Pendidikan Negeri Johor